

24 FEB 1996

PERUTUSAN AGONG KEPADA RAJA KUWAIT

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Emir Kuwait Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Sabah, sempena dengan Hari Kebangsaan ke-35 negara itu.

Seri Paduka berharap Kuwait akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan perpaduan di bawah kepimpinan Sheikh Jaber.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya, Putera Mahkota Sheikh Saad Al-Abdallah Al-Salim Al-Sabah, berkata beliau yakin kedua-dua kerajaan akan terus bekerjasama bagi mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia terjalin.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menghantar perutusan yang seumpama kepada Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Luar Sheikh Sabah Al-Ahmed Al-Jaber Al-Sabah. -- BERNAMA

ES CR MAI